

Bakal PM Itali adakan rundingan bentuk kerajaan

REUTERS

November 15, 2011

ROM 14 Nov. - Bekas Pesuruhjaya Kesatuan Eropah (EU), Mario Monti hari ini memulakan persiapan bagi menubuhkan sebuah kerajaan teknokrat baru untuk memulihkan keyakinan pasaran kewangan terhadap kedudukan kewangan Itali selepas beliau menerima mandat untuk menggantikan Silvio Berlusconi sebagai Perdana Menteri.

Pada hujung minggu yang dipenuhi aktiviti politik, Parlimen Itali meluluskan pakej pembaharuan ekonomi yang dipersetujui dengan para pemimpin Eropah, Berlusconi meletakkan jawatan dan Presiden Giorgio Napolitano melantik Monti, seorang tokoh antarabangsa yang dihormati untuk mengetuai kerajaan baru.

Monti hari ini dijadual mengadakan rundingan dengan parti-parti politik utama dalam usaha untuk melantik sebuah Kabinet yang dijangka agak kecil, terdiri daripada teknokrat yang bukan ahli Parlimen.

Reaksi terhadap perkembangan itu hari ini adalah positif, dengan indeks saham meningkat dan pulangan ke atas bon 10 tahun pada 6.4 peratus, iaitu di bawah paras berbahaya 7 peratus, berikutan minggu mendebarkan apabila kos pinjaman Itali meningkat ke paras yang memaksa Ireland dan Greece mendapatkan pakej penyelamat antarabangsa.

Krisis itu mengancam untuk meruntuhkan sistem kewangan Eropah kerana zon mata wang euro tidak mampu untuk menyediakan pakej bantuan lebih besar yang diperlukan bagi menyelamatkan ekonomi Itali, ekonomi ketiga terbesar dalam EU.

Napolitano selepas melantik Monti berkata, usaha luar biasa mesti dilakukan untuk menangani krisis itu dan Itali tidak boleh menunggu pilihan raya bagi mengatasi kelumpuhan politik.

Katanya, Itali mesti mengembalikan keyakinan pelabur dan institusi-institusi di Eropah.

"Saya berhasrat untuk melaksanakan tugas ini dengan penuh rasa tanggungjawab sebagai khidmat untuk negara kita," kata Monti selepas menerima mandat daripada Presiden.

Sementara itu Berlusconi muncul di televisyen semalam dan berkata, beliau meletakkan jawatan atas rasa tanggungjawab dan untuk melindungi Itali daripada spekulator.

Beliau melahirkan rasa sedih kerana beribu-ribu penunjuk perasaan mengejeknya dengan kata-kata penghinaan termasuk 'badut' sewaktu beliau pergi ke istana Napolitano untuk menyerahkan surat peletakan jawatan. - Reuters

Copyright © REUTERS 2011

Copyright REUTERS 2011. REUTERS text, photos, graphics and logos shall not be reproduced, published, broadcast, rewritten for broadcast or publication or redistributed directly or indirectly in any medium. REUTERS shall not be held liable for any delays, inaccuracies, errors or omissions in any REUTERS content, or for any actions taken in consequence

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1115&pub=Utusan_Malaysia&sec=Luar_Negara&pg=lu_07.htm